



PARLIMEN MALAYSIA

A large, semi-transparent image of the Parliament building in Kuala Lumpur serves as the background for the lower half of the page. The building is a tall, modern structure with a grid-like facade. A large, faint watermark of the Parliament of Malaysia logo is overlaid on the building.

RANG UNDANG-UNDANG
Penghitungan Semula Pencen 1980
DR.14/1980

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG PENG- HITUNGAN SEMULA PENCEN 1980

SUSUNAN FASAL-FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Akta hendaklah dibaca bersama dengan Ordinan.
3. Peruntukan-peruntukan Akta hendaklah dipakai.
4. Pemakaian.
5. Tafsiran.
6. Pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan.
7. Pencen terbitan dan ganjaran terbitan.
8. Elaun persaraan dan ganjaran kepada pegawai tak-berpencen.
9. Elaun persaraan terbitan dan ganjaran terbitan.
10. Elaun bencana.
11. Pencen tanggungan.
12. Kuasa-kuasa hendaklah dijalankan oleh Ketua Pengarah.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penghitungan semula pencen, ganjaran dan lain-lain faedah bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam, yang tertakluk kepada gaji dan had serta syarat perkhidmatan berdasarkan syor-syor oleh Suruhanjaya Diraja Suffian dan Suruhanjaya Diraja Aziz, dan tanggungan mereka.

[1hb Ogos 1968.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penghitungan Semula Pencen 1980 dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Ogos 1968.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Akta ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Ordinan itu.

Akta hendaklah dibaca bersama dengan Ordinan.

3. Walau apa pun peruntukan dalam Ordinan itu berkenaan dengan penghitungan pencen, ganjaran dan lain-lain faedah, peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi.

Peruntukan-peruntukan Akta hendaklah dipakai.

4. Akta ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam—

Pemakaian.

(a) yang telah memilih atau yang disifatkan telah memilih Skim itu;

(b) yang telah dilantik di bawah Skim itu; atau

(c) yang oleh sebab pilihan mereka adalah terikat oleh Skim itu.

Tafsiran.

5. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“gaji yang akhir diterima” ertinya gaji hakiki bulanan yang akhir diterima dan termasuklah apa-apa elaun berpencen;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

1/51.
Sabah 3/63.
Sarawak
Bab 89.

“Ordinan” ertinya Ordinan Pencen 1951, Ordinan Pencen Sabah 1963, Ordinan Pencen Sarawak dan segala Peraturan yang dibuat di bawahnya;

“pegawai” ertinya semua kategori pegawai sebagaimana yang ditakrifkan dalam Ordinan itu;

“pegawai berpencen” ertinya pegawai yang telah diletakkan dalam perjawatan berpencen berdasarkan Skim di bawah Ordinan itu;

“perkhidmatan yang boleh dimasukira” ertinya tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira di bawah Ordinan;

“Skim” ertinya gaji-gaji dan had-had serta syarat-syarat perkhidmatan yang telah dipinda bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam berdasarkan syor-syor oleh Suruhanjaya Diraja Suffian dan Suruhanjaya Diraja Aziz mengenai gaji-gaji dan had-had serta syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai sedemikian itu yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Pencen
perkhid-
matan
dan
ganjaran
perkhid-
matan.

6. (1) Seseorang pegawai berpencen yang bersara di bawah Ordinan itu boleh apabila ia bersara diberi—

(a) pencen bulanan berdasarkan satu perenam ratus daripada hasil mendarabkan jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira pegawai itu dengan gaji yang akhir diterimanya, tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji yang akhir diterimanya; dan

(b) ganjaran berdasarkan satu perdua puluh daripada hasil mendarabkan jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira pegawai itu dengan gaji yang akhir diterimanya.

(2) Jika seseorang pegawai berpencen bersara di bawah Ordinan itu—

(a) apabila jawatannya dihapuskan; atau

(b) bagi maksud supaya organisasi jabatan di mana pegawai itu berkhidmat mudah diperbaiki dan dengan itu terhasil kecekapan atau keekonomian yang lebih lagi,

maka sebagai tambahan kepada ganjaran yang diberi di bawah perenggan (b) seksyen-kecil (1) di atas, pencennya boleh, sekiranya adalah mendatangkan faedah kepada pegawai itu, dihitung berdasarkan satu perlina ratus daripada hasil mendarabkan jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira pegawai itu dengan gaji yang akhir diterimanya, tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji yang akhir diterimanya.

7. Pencen terbitan dan ganjaran terbitan yang diberi di bawah Ordinan itu hendaklah dihitung sama caranya seperti penghitungan pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan di bawah seksyen 6.

Pencen terbitan dan ganjaran terbitan.

8. Elaun persaraan dan ganjaran yang diberi kepada pegawai tak-berpencen yang bersara di bawah Ordinan itu hendaklah masing-masingnya senilai dengan tiga perempat daripada pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6.

Elaun persaraan dan ganjaran kepada pegawai tak-berpencen.

9. Elaun persaraan terbitan dan ganjaran terbitan yang diberi di bawah Ordinan itu hendaklah dihitung sama caranya seperti penghitungan elaun persaraan dan ganjaran di bawah seksyen 8.

Elaun persaraan terbitan dan ganjaran terbitan.

10. (1) Elaun bencana bulanan yang diberi kepada seseorang pegawai yang bersara akibat dari menanggung bencana atau mendapat penyakit semasa sebenarnya menjalankan tugas-tugasnya di bawah Ordinan itu ialah—

Elaun bencana.

(a) satu perdua belas daripada gajinya jika keupayaannya untuk menyumbang terhadap nafkahnya itu tercacat sedikit sahaja;

(b) satu perenam daripada gajinya jika keupayaannya untuk menyumbang terhadap nafkahnya itu tercacat;

(c) satu perempat daripada gajinya jika keupayaannya untuk menyumbang terhadap nafkahnya itu tercacat pada matannya;

(d) satu pertiga daripada gajinya jika keupayaannya untuk menyumbang terhadap nafkahnya itu musnah sama sekali.

Akta 82.

(2) Walau apa pun peruntukan seksyen-kecil (1), seseorang pegawai yang menanggung bencana secara kekal semasa sebenarnya menjalankan tugas-tugasnya di bawah Ordinan itu atau semasa bertugas dalam Kawasan Keselamatan yang diisytiharkan di bawah seksyen 47 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, elaun bencana yang kena dibayar ialah—

(a) satu perlepasan daripada gajinya jika keupayaannya untuk menyumbang terhadap nafkahnya itu tercacat sedikit sahaja;

(b) satu perempat daripada gajinya jika keupayaannya untuk menyumbang terhadap nafkahnya itu tercacat;

(c) tiga perlepasan daripada gajinya jika keupayaannya untuk menyumbang terhadap nafkahnya itu tercacat pada matannya;

(d) setengah daripada gajinya jika keupayaannya untuk menyumbang terhadap nafkahnya itu musnah sama sekali.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen-seksyen-kecil (1) dan (2), “gaji” ertinya gaji hakiki bulanan dan apa-apa elaun berpencen yang diterima oleh pegawai itu pada mula ia menanggung bencana atau mendapat penyakit itu.

(4) Elaun bencana hendaklah dibayar sebagai tambahan kepada pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan atau elaun persaraan atau ganjaran yang diberi masing-masingnya di bawah seksyen 6 atau 8 tetapi jumlah kesemuanya yang kena dibayar di bawah seksyen ini tidak boleh lebih daripada dua pertiga daripada gaji akhir yang diterimanya.

11. (1) Tertakluk kepada seksyen-seksyen-kecil (2) dan (3), pencen tanggungan yang kena dibayar di bawah Ordinan itu, dihitung sebagai pecahan daripada gaji pegawai itu pada mula ia menanggung bencana atau mendapat penyakit itu, boleh diberi—

Pencen
tanggungan.

(a) kepada balu pegawai itu, selagi tak-berkahwin dan berkelakuan baik sebanyak satu perenam daripada gajinya;

(b) jika pegawai yang mati itu meninggalkan seorang balu yang kepadanya pencen telah diberi di bawah perenggan (a) sebanyak satu perempat puluh lapan daripada gajinya kepada tiap-tiap orang anak hingga seramai enam orang;

(c) jika pegawai yang mati itu tidak meninggalkan seorang balu, atau tiada pencen diberi kepada balu itu sebanyak satu perdua puluh empat daripada gajinya kepada tiap-tiap orang anak hingga seramai enam orang;

(d) mulai dari tarikh kematian seseorang balu yang kepadanya pencen telah diberi di bawah perenggan (a) sebanyak satu perdua puluh empat daripada gajinya kepada tiap-tiap orang anak pegawai yang mati hingga seramai enam orang;

(e) jika ibu pegawai yang mati itu bergantung sepenuhnya atau pada sebahagian besarnya pada pegawai itu untuk nafkah pada masa kematiannya dan—

(i) pegawai yang mati itu tidak meninggalkan seorang balu atau jika tiada pencen diberi kepada balunya sebanyak satu perenam daripada gaji pegawai itu kepada ibunya selagi berkelakuan baik dan tidak mempunyai punca nafkah yang mencukupi; atau

(ii) pegawai yang mati itu meninggalkan seorang balu yang kepadanya pencen diberi di bawah perenggan (a) sebanyak satu perdua belas daripada gaji pegawai itu kepada ibunya selagi berkelakuan baik dan tidak mempunyai punca nafkah yang mencukupi;

(f) jika ibu pegawai yang mati itu sudah mati dan bapanya bergantung sepenuhnya atau pada sebahagian besarnya pada pegawai itu untuk nafkah pada masa kematiannya dan—

(i) pegawai yang mati itu tidak meninggalkan seorang balu atau jika tiada pencen diberi kepada balunya sebanyak satu perenam daripada gaji pegawai itu kepada bapanya selagi berkelakuan baik dan tidak mempunyai punca nafkah yang mencukupi; atau

(ii) pegawai yang mati itu meninggalkan seorang balu yang kepadanya pencen diberi di bawah perenggan (a) sebanyak satu perdua belas daripada gaji pegawai itu kepada bapanya selagi berkelakuan baik dan tidak mempunyai punca nafkah yang mencukupi.

(2) Walau apa pun peruntukan seksyen-kecil (1), pada menghitung apa-apa pencen yang kena dibayar kepada seseorang pegawai yang mati akibat dari menanggung bencana semasa sebenarnya menjalankan tugas-tugasnya atau semasa bertugas dalam Kawasan Keselamatan yang diisytiharkan di bawah seksyen 47 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, pecahan-pecahan dalam seksyen-kecil (1) hendaklah dibaca seolah-olah telah digantikan satu perenam dengan satu perempat; satu perempat puluh lapan dengan satu perdua puluh empat, satu perdua puluh empat dengan satu perdua belas dan satu perdua belas dengan satu per-lapan di mana jua ianya terdapat.

(3) Jika seseorang yang disebut dalam seksyen-kecil (1) adalah layak mendapat pencen tanggungan dan pencen terbitan maka ia hendaklah dibayar amaun yang lebih tinggi di antara dua amaun itu selama tempoh dua belas tahun setengah dan selepasnya itu ia hendaklah dibayar pencen tanggungan.

12. Semua kuasa di bawah Akta ini hendaklah dijalankan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sempurnanya oleh Ketua Pengarah secara bertulis.

Kuasa-
kuasa
hendaklah
dijalankan
oleh
Ketua
Pengarah.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda faktor pencen dalam menghitung pencen bagi pesara-pesara yang bersara di bawah Suruhanjaya-suruhanjaya Diraja Suffian dan Aziz mengenai Gaji dan Had-had serta Syarat-syarat Perkhidmatan.

2. *Fasal 2* memperuntukkan bahawa Akta itu hendaklah dibaca bersama dengan Ordinan Pencen 1951, Ordinan Pencen 1963 bagi Sabah dan Ordinan Pencen bagi Sarawak.

3. *Fasal 3* memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini hendaklah dipakai bagi penghitungan pencen, ganjaran dan lain-lain faedah.

4. *Fasal 4* menetapkan golongan pegawai yang tertakluk kepada Rang Undang-undang ini.

5. *Fasal-fasal 6 dan 7* adalah berkenaan dengan cara pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan, serta pencen terbitan dan ganjaran terbitan akan dihitungkan.

6. *Fasal 8* menyatakan faktor yang hendak digunakan pada menentukan elaun bersara dan ganjaran yang diberi kepada pegawai tak-berpencen manakala *Fasal 9* adalah berkenaan dengan elaun bersara terbitan dan ganjaran terbitan.

7. *Fasal 10* adalah berkenaan dengan pemberian elaun bencana kepada pegawai yang bersara disebabkan ia menanggung bencana atau mendapat penyakit semasa sebenarnya menjalankan tugas-tugasnya.

8. *Fasal 11* membuat peruntukan mengenai penghitungan pencen orang tanggungan.

9. *Fasal 12* memperuntukkan bahawa segala kuasa di bawah Akta hendaklah dijalankan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa dengan sempurnanya oleh Ketua Pengarah secara bertulis.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan, yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1031.]